

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Bon and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM351,421,614.49
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.09010

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB T1 Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.53%	1.56%	-0.27%	5.07%	7.06%	9.84%	108.88%
Benchmark / Penanda Aras	2.50%	1.39%	-0.89%	3.78%	1.70%	-0.12%	63.16%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.03%	0.17%	0.62%	1.29%	5.36%	9.96%	45.72%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	84.30
2 Takafulink Dana Bon	15.70

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.90
2 Dialog Group - Myr0.1	6.67
3 Petronas Chemical Group Berhad	4.02
4 QL Resources Berhad	3.74
5 Axiata Group Berhad - Myr1	3.14
6 Kuala Lumpur Kepong Berhad - Myr1	3.02
7 IHH Healthcare Berhad	2.98
8 IOI Corp - Myr0.10	2.87
9 Digi.Com Berhad - Myr0.01	2.63
10 Sime Darby Plantation Berhad	2.51

### Takafulink Dana Bon Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 YTL Power International	7.46
2 Prasarana Malaysia Berhad	6.14
3 Danum Capital Berhad	5.27
4 Perbadanan Tabung Pendid*	3.92
5 Perbadanan Tabung Pendid*	3.90
6 Rantau Abang Capital	3.90
7 Danga Capital Berhad	3.87
8 Tenaga Nasional Berhad	3.84
9 RHB Islamic Bank Berhad	3.59
10 Perbadanan Kemajuan Sel	3.58

\* Different coupon rates & maturity dates for each.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equities

#### Market Review

Global equity markets ended the year with solid monthly gains in general, as the US agreed to a Phase 1 trade deal with China, and cancelled tariffs on US\$160bn of Chinese goods due to take effect on 15 Dec 2019. While details of the deal were hard to come by, the agreement in principle lifted a cloud that had been hanging the global economy all year. In addition, the decisive win by the ruling Conservative Party in the UK elections, almost guarantees the UK will leave the EU on 31 January, albeit with a 23-month transitory period, providing clarity on Brexit.

The FBM Emas Shariah Index rose 3.07% mom in December 2019 to close at 11,947.92 points. The FBM Small Cap Shariah index rose 6.44% for the month outperforming the FBM Emas Shariah Index. Foreign investors were net sellers again of equities for the month of December of RM1.0bn, making the YTD net foreign outflow of RM10.8bn from equities.

#### Market Outlook

The start of 2020 already marred with geo-political tensions. For Malaysia, the geo-political tensions have resulted in a spike in crude oil prices, and the ringgit strengthened. On the external front, investors will be awaiting the signing of the US-China Phase 1 trade deal on 15 Jan 2020 and taking cues from the US Fed policy meeting on 29 Jan 2020 and Brexit day on 31 Jan 2020. We continue to expect volatility for the Malaysian equity market driven not only by external headwinds, but local politics continue to be distracting. Whilst we maintain a relatively cautious outlook, we are hopeful that there could be some earnings recovery in 2020, given the dismal and uninspiring growth seen for the last 3-4 years. Despite this potential green-shoot, we are cognizant of the risks of our own making, such as the increasing government interference in commercial negotiations causing disruptions, policy flip-flops or weak messaging resulting in confusion amongst the market players and distracting political infighting. Nevertheless, we remain focused on accumulating fundamentally sound stocks on weakness.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti global menutup tahun dengan keuntungan bulanan yang secara umumnya mantap, setelah AS mempersetujui perjanjian perdagangan Fasa 1 dengan China, serta membatalkan tarif barangan China bernilai USD160 bilion, berkuat kuasa mulai 15 Disember 2019. Walaupun butiran perjanjian sukar untuk dicapai, perjanjian pada dasarnya telah mengalihkan momentum yang menaungi ekonomi global pada sepanjang tahun. Di samping itu, kemenangan besar Parti Konservatif dalam pilihan raya UK, hampir menjamin UK akan meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) menjelang 31 Januari, dengan tempoh peralihan 23 bulan menyediakan kejelasan berkenaan Brexit.

Indeks FBM Emas Shariah menokok 3.07% bulan ke bulan pada Disember 2019 lalu ditutup pada 11,947.92 mata. Indeks Shariah FBM Small Cap yang naik 6.44% untuk bulan tersebut, mengatasi pencapaian Indeks Shariah FBM Emas. Pelabur asing adalah penjual bersih ekuiti (RM-1.0bn) sekali lagi pada bulan Disember, mengatasi aliran keluar bersih ekuiti asing YTD kepada RM10.8 bilion.

#### Gambaran Pasaran

Permulaan tahun 2020 telah dicemari oleh ketegangan geo-politik. Bagi Malaysia, ketegangan geo-politik telah menyebabkan kenaikan harga minyak mentah, manakala ringgit mengukuh. Dari segi luaran, pelabur akan menunggu perjanjian perdagangan Fasa 1 AS-China ditandatangani menjelang 15 Januari 2020 dan mengambil isyarat dari mesyuarat dasar Fed pada Januari 2020 serta jangkaan Brexit menjadi kenyataan pada akhir Januari. Kami terus menjangkakan ketidakpastian pasaran ekuiti Malaysia didorong bukan sahaja oleh tekanan luar, malah politik tempatan akan terus mengganggu.

Walaupun kita mengekalkan pandangan yang berhati-hati, kita berharap kepada sebahagian pemulihan pendapatan pada tahun 2020, susulan pertumbuhan yang suram dan tidak memberangsangkan sejak 3 hingga 4 tahun yang lalu. Meskipun pucuk baharu berpotensi untuk merecup, kami menyedari tentang risiko yang kita sendiri tempah, seperti campur tangan kerajaan yang semakin besar dalam rundingan komersial, yang menyebabkan gangguan, dasar yang tidak menentu atau penyampaian mesej yang lemah, yang memutikakan kekeliruan dalam kalangan pemain pasaran serta mengalih perhatian daripada perbalahan politik dalaman. Namun begitu, kami tetap fokus untuk mengumpul saham berasas kukuh pada harga yang rendah.

### Fixed Income

#### Market Review

Malaysia sovereign bond curve continued to steepen in November where yields for 3-years and 5-years MGS dropped sharply by 10-15 bps to close at 3.05% and 3.18%, respectively. The yields on the tail part of the curve however saw mixed marginal changes – the 10-years' yield was 1bp higher at 3.42% while the 15-years' yield on the other hand was 1bp lower at 3.68%. Despite yields in the global bond market going higher during the month on the back of high optimism on the US-China phase one trade deal, the domestic bond market was rather supported where foreign flows were quoted going into local short-dated bonds, likely tracking to Ringgit strengthening move in the earlier part of the month. While direction of local market over the medium-term will largely be contingent upon domestic factors e.g. BNM monetary policy and potential index exclusion in March 2020. In the near term, movements in the bond market would likely track the broader global sentiment on the back of many lingering uncertainties. MGII yield curve also generally steepened in the month, as 5-years moved 10bps lower to 3.24%, 10-years moved 3bps higher to 3.50% and 15-years moved lower by 3bps to close at 3.77%.

#### Market Outlook

In December, there will be a re-opening of 15-year MGS with no government bond maturity. Despite the weaker bid-to-cover ratios seen in the recent government bond auctions as compared to those seen in 9M19, the demand for the final government bond auction for 2019 will likely be firm on back of ample domestic liquidity.

On the corporate bond front, the pickup in new issuances is expected to be sustained into the year end amidst the relatively low-interest rate environment which is still favorable for issuers. We expect demand for corporate bonds to remain strong due to 1) scarcity of quality corporate bond supply and 2) ample domestic liquidity.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## **Pendapatan Tetap**

### *Tinjauan Bulanan*

Kadar bon kerajaan Malaysia beralih ke paras lebih rendah pada bulan Disember dengan hasil penanda MGS 3-tahun, 5-tahun, 10-tahun dan 15-tahun masing-masing susut sebanyak 3 hingga 12bps lalu ditutup pada 2.98%, 3.15%, 3.30% dan 3.60%.

Disember menjadi rendah dalam pasaran kecairan yang bermusim. Namun begitu, pasaran tempatan menerima permintaan yang mencukupi daripada pembeli asing ke atas bon kerajaan tempatan berjangka pendek, menuruti kekuatan Ringgit baru-baru ini, manakala pelabur tempatan ditentududukkan bagi tahun 2020. Secara umumnya, kami menjangkakan bahawa arah pasaran bon tempatan dalam beberapa bulan yang akan datang sebahagian besarnya bergantung kepada dasar monetari BNM dan kemungkinan pengecualian indeks menjelang bulan Mac 2020, di samping ia juga mudah terkesan kepada sentimen pasaran global susulan suasana geopolitik yang rapuh.

Kelak hasil MGII juga bergerak turun pada bulan ini, apabila hasil 3 tahun ditutup 7bps lebih rendah pada 3.06%, hasil 5 tahun bergerak 5bps lebih rendah kepada 3.19%, hasil 10 tahun bergerak 8bps lebih rendah kepada 3.42% dan hasil 15 tahun bergerak 5bps lebih rendah lalu ditutup pada 3.72%.

### *Gambaran Bulanan*

Pada Januari, MGS 3 tahun dan 7 tahun akan dibuka semula berikutan pembukaan semula MGII 15 tahun dengan ketiadaan bon kerajaan yang akan matang. Secara pensejarahan, nisbah bida kepada penawaran telah mantap bagi lelongan bon kerajaan pada separuh pertama tahun ini, oleh yang demikian, lelongan pada bulan Januari bermungkinan menerima permintaan yang kukuh.

Meninjau bon korporat, peningkatan terbitan baharu seperti yang dilihat pada tahun 2019, dijangka akan berterusan sehingga 2020 susulan persekitaran kadar faedah yang rendah masih menyebelahi penerbit. Kami menjangkakan bahawa permintaan ke atas bon korporat akan kekal kukuh disebabkan oleh kekurangan bekalan bon korporat yang berkualiti dan kecairan domestik yang mencukupi.

## **Fund Review & Strategy**

The Fund returned 2.53% for the month, outperforming the benchmark return of 2.50% by 0.03%. Year-to-date, the fund returned 5.07%, outperforming the benchmark return of 3.78% by 1.29%.

The outperformance in December was mainly due to stronger performance in the equity portion. As of end-Dec 2019, the Fund has 83.79% exposure in equities and 16.29% in sukuk (versus Neutral position of 80:20 equity:sukuk)

## **Tinjauan dan Strategi Dana**

Dana menghasilkan 2.53% untuk bulan tersebut, mengatasi pulangan penanda aras 2.50% sebanyak 0.03%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana memulangkan 5.07%, mengatasi pulangan penanda aras 3.78% sebanyak 1.29%.

Prestasi baik dalam bulan Disember disumbangkan oleh prestasi ekuiti yang lebih kukuh. Setakat akhir Disember 2019, Dana mempunyai 83.79% pendedahan dalam ekuiti dan 16.29% dalam sukuk (berbanding kedudukan Neutral 80:20 ekuiti: sukuk)

Source / Sumber: Fund Commentary, December 2019, Eastspring Investments Berhad

## **Disclaimer**

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL